



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 76
No. 4

1hb Februari 2023

*TAMBAHAN No. 2
PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 2.

ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(PERAK) 2004

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) (PERAK) 2023

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Fi Mahkamah
5. Kos
6. Kos menurut budi bicara
7. Kehadiran dalam Kamar
8. Kehadiran di hadapan Hakim atau Pendaftar
9. Salinan dokumen
10. Kos tetap

11. Skala elaun

12. Am

13. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(PERAK) 2004

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(FI, ELAUN DAN KOS) (PERAK) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 42 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2008 [*Enakmen Bil. 13 tahun 2018*] dan perenggan 247(1)(b) Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 7 tahun 2004*], Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos)(Perak) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Pemakaian

2. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi semua prosiding dalam—

- (a) Mahkamah Rendah Syariah;
- (b) Mahkamah Tinggi Syariah;
- (c) Mahkamah Rayuan Syariah; dan
- (d) Mahkamah Utama Syariah.

(2) Kaedah-Kaedah ini tidaklah mempunyai kuasa berhubung dengan prosiding yang berkenaan dengannya kaedah-kaedah telah pun atau boleh dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud tertentu dalam prosiding atau berhubung dengan mana-mana prosiding jenayah.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“folio” ertinya seratus patah perkataan, setiap angka itu dikira sebagai satu perkataan;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau keduanya;

“kos” ertinya termasuklah fi, caj, bayaran ganti, perbelanjaan dan saraan;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak yang ditubuhkan bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*];

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 44 (1), (2), (3) dan (3A) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar yang dilantik menurut seksyen 15 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 [*Enakmen Bil. 13 tahun 2018*]; dan

“prosiding” ertinya apa-apa prosiding sama ada dalam Mahkamah terbuka atau dalam Kamar dan termasuklah suatu permohonan pada mana-mana peringkat prosiding yang disifatkan telah bermula apabila tindakan difailkan.

Fi Mahkamah

4. (1) Fi Mahkamah yang ditetapkan seperti di dalam Jadual Pertama hendaklah dibayar bagi semua urusan yang ditetapkan dalamnya.

(2) Apa-apa prosiding yang berkaitan dengan perintah faraid ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Tiada fi boleh dikenakan berkenaan dengan apa-apa prosiding oleh atau terhadap Kerajaan, Majlis, Jabatan Bantuan Guaman atau Bahagian Sokongan Keluarga, tetapi dalam hal apa-apa perintah atau penghakiman yang memperuntukkan bahawa kos hendaklah dibayar oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu kepada Kerajaan atau Majlis atau Jabatan Bantuan Guaman atau Bahagian Sokongan Keluarga, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun yang sepatutnya kena dibayar sebagai fi tetapi disebabkan oleh proviso ini telah tidak dibayar, hendaklah kena dibayar oleh pihak itu, sebagaimana, apabila didapatkan semula, hendaklah dibayar ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah yang padanya perintah atau penghakiman itu telah diberi.

Kos

5. Skala kos hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Kos menurut budi bicara

6. (1) Jika dalam Jadual Ketiga terdapat perkataan “Menurut budi bicara”, amaun kos yang dibenarkan berkenaan dengan butiran itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa perintah Mahkamah yang menentukan kos yang hendak dibenarkan, mengikut budi bicara Hakim atau Pendaftar.

(2) Dalam menjalankan budi bicaranya di bawah kaedah ini, Hakim atau Pendaftar hendaklah memberi perhatian kepada semua hal keadaan yang berkaitan dan khususnya kepada—

- (a) kerumitan butiran itu atau kausa perkara yang di dalamnya ia berbangkit dan kesulitan atau kebarharuan isu-isu yang terlibat;
- (b) kemahiran, pengetahuan khusus dan tanggungjawab yang dikehendaki daripada, masa dan usaha yang dihabiskan oleh Peguam Syarie;
- (c) bilangan dan kepentingan dokumen, tidak kira bagaimanapun ringkasnya yang disediakan atau diteliti;
- (d) tempat dan hal keadaan yang urusan yang terlibat itu dilakukannya;
- (e) kepentingan kausa atau perkara itu kepada klien;
- (f) jika wang atau harta terlibat, amaun atau nilainya; atau
- (g) apa-apa fi atau bayaran lain yang kena dibayar kepada Peguam Syarie berkenaan dengan butiran lain dalam kausa atau perkara yang sama, tetapi hanya jika kerja yang dilakukan berhubungan dengan butiran itu telah mengurangkan kerja yang jika tidak kerananya itu diperlukan berhubungan dengan butiran yang berkenaan.

Kehadiran dalam Kamar

7. (1) Peruntukan dalam kaedah ini terpakai berhubung dengan tiap-tiap pendengaran dalam Kamar.

(2) Dalam suatu penetapan kos, tiada kos boleh dibenarkan kecuali yang ditetapkan oleh Mahkamah semasa pendengaran dan dalam menentukan kos, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara yang disebut dalam kaedah 6.

(3) Semasa pendengaran, sekiranya Mahkamah memperakukan bahawa suatu penyelesaian prosiding yang segera dan memuaskan dikehendaki dan diterima daripada Peguam Syarie yang terlibat dalam prosiding itu mempunyai kemahiran istimewa dan tenaga dalam penyediaan untuk pendengaran, Hakim atau Pendaftar dalam menetapkan kos hendaklah mengambil kira perakuan tersebut.

Kehadiran di hadapan Hakim atau Pendaftar

8. Atas apa-apa kehadiran di hadapan Pendaftar bagi maksud menyelesaikan terma-terma dan memberi apa-apa perintah atau penghakiman, jika ternyata kepada Hakim atau Pendaftar bahawa kehadiran itu adalah suatu keadaan yang khas atau

kepanjangan atau kesukaran yang luar biasa, Hakim atau Pendaftar boleh, jika diminta berbuat demikian oleh mana-mana pihak, mengeluarkan suatu perakuan bagi maksud itu, dan Hakim atau Pendaftar dalam menetapkan kos yang hendak dibenarkan bagi kehadiran itu hendaklah mengambil kira perakuan itu.

Salinan dokumen

9. (1) Hendaklah dibenarkan bagi pencetakan salinan apa-apa dokumen bercetak, amaun yang sepatutnya dibayar kepada pencetak dan jika mana-mana bahagian daripada sesuatu dokumen dicetak dengan sepatutnya dalam suatu bahasa asing atau sebahagian suatu faksimili atau mengikut apa-apa cara yang luar biasa atau khas, atau jika apa-apa perubahan menjadi perlu selepas pruf pertama bagi dokumen itu, maka, hendaklah dibenarkan suatu amaun sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Hakim atau Pendaftar dan amaun itu hendaklah termasuk apa-apa kehadiran di hadapan pencetak.

(2) Pihak-pihak yang berhak mengambil salinan bercetak bagi apa-apa dokumen hendaklah dibenarkan amaun yang dibayarnya bagi semua bilangan salinan sebagaimana yang diperlukan atau sepatutnya diambil olehnya.

(3) Kos salinan bercetak bagi dokumen di bawah butiran 48 Jadual Ketiga hendaklah dibuat sebagai tambahan kepada amaun di bawah subkaedah (2) dan hendaklah, tertakluk kepada subkaedah (4), dibuat bagi apa-apa salinan bercetak sebagaimana yang perlu atau patut bagi—

- (a) apa-apa pliding, untuk penyampaian kepada pihak lawan;
- (b) apa-apa kes khas, untuk pemfailan;
- (c) apa-apa pliding atau kes khas, untuk kegunaan Mahkamah;
- (d) apa-apa affidavit, untuk pengakusaksian dalam cetakan;
- (e) apa-apa pliding atau kes atau keterangan khas untuk digunakan di Mahkamah; atau
- (f) apa-apa dokumen lain yang diperlukan dan sepatutnya disalin dan tidak diperuntukkan selainnya.

(4) Kos di bawah butiran 48 Jadual Ketiga tidaklah boleh dibuat berhubungan dengan salinan bercetak bagi dokumen untuk kegunaan Mahkamah atau Peguam Syarie jika salinan bertulis telah dibuat sebelum pencetakan dan tidaklah boleh dibuat lebih daripada sekali dalam kausa atau perkara yang sama.

(5) Kos di bawah Jadual Ketiga untuk menyediakan apa-apa pliding, saman, affidavit atau dokumen lain, hendaklah dikira sebagai termasuk kos untuk menyediakan apa-apa salinan perlu yang dibuat untuk kegunaan Peguam Syarie dan kliennya atau, dalam hal suatu pliding atau saman, untuk penyampaian.

Kos tetap

10. Kos tetap hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Skala elaun

11. Skala elaun hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelima.

Am

12. Ketua Hakim Syarie boleh mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkan perlu bagi melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan kaedah-kaedah ini.

Pemansuhan

13. Kaedah-Kaedah (Fee dan Kos) Mahkamah Syariah 1999 [*Pk.P.U.6/1999*] dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

[kaedah 4]

FI MAHKAMAH

No.	Butiran	<i>Fi</i>	<i>Fi</i>	<i>Fi</i>	<i>Fi</i>	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
<i>Saman, dsb.</i>						
1.	Apabila memeteraikan saman untuk memulakan tindakan atau memfailkan tuntutan balas	50.00	100.00	-	-	
2.	Apabila memfailkan pembelaan atau jawapan kepada pembelaan	10.00	20.00	-	-	
3.	Apabila memeteraikan permohonan dan affidavit untuk memulakan tindakan	25.00	50.00	-	-	
4.	Apabila memfailkan saman kepada Defendan yang lebih daripada seorang atau kepada alamat yang lebih daripada satu	5.00	10.00	-	-	
5.	Apabila memeteraikan saman, permohonan atau pliding berpinda	5.00	10.00	-	-	
6.	Apabila menandakan pembaharuan apa-apa saman atau permohonan	5.00	10.00	-	-	
7.	Apabila memfailkan <i>wakalah</i> bagi setiap orang	5.00	10.00	15.00	20.00	
8.	Apabila memfailkan notis permohonan interlokutori dan affidavit	15.00	30.00	-	-	
9.	Apabila memfailkan permohonan penyampaian ganti dan affidavit atau penyampaian di luar bidang kuasa dan affidavit	15.00	25.00	45.00	60.00	
10.	Apabila memfailkan notis penarikan balik tuntutan dan permohonan	5.00	10.00	15.00	20.00	
11.	Apabila memfailkan notis penarikan diri atau pelepasan Peguam Syarie	5.00	10.00	15.00	20.00	
12.	Apabila memfailkan apa-apa penghujahan	20.00	40.00	-	-	

No.	Butiran	Fi	Fi	Fi	Fi	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
Sepina						
13.	Apabila memeteraikan sepina bagi setiap orang saksi	5.00	10.00	15.00	20.00	
14.	Apabila memeteraikan sepina yang dikeluarkan kurang daripada 3 hari sebelum perbicaraan sesuatu tindakan bagi setiap seorang saksi	10.00	15.00	20.00	25.00	
Perintah						
15.	Apabila memeteraikan apa-apa perintah yang dibuat dalam Kamar	20.00	30.00	40.00	50.00	
16.	Apabila memeteraikan tiap-tiap perintah pelaksanaan, pengkomitan, penangkapan, notis <i>hiwalah</i> atau penahanan harta	10.00	20.00	-	-	
17.	Apabila memeteraikan penghakiman atau perintah yang diberikan, diarahkan atau dibuat dalam perbicaraan, pendengaran atau pertimbangan lanjut sesuatu kausa atau perkara dalam Mahkamah	25.00	50.00	75.00	100.00	
18.	Apabila memeteraikan apa-apa penghakiman atau perintah lain jika tiada fi diperuntukkan dengan khususnya	25.00	50.00	75.00	100.00	
Rayuan						
19.	Apabila memfailkan notis rayuan terhadap keputusan Pendaftar kepada Hakim dalam Kamar	25.00	50.00	75.00	100.00	
20.	Apabila memfailkan permohonan dan affidavit untuk mendapatkan kebenaran untuk melanjutkan apa-apa tempoh masa untuk merayu	-	30.00	40.00	50.00	

No.	Butiran	Fi	Fi	Fi	Fi	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
21.	Apabila memfailkan permohonan dan affidavit untuk mendapatkan kebenaran untuk merayu	-	50.00	75.00	100.00	
22.	Apabila memfailkan notis rayuan atau notis rayuan balas kepada Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah	-	50.00	100.00	150.00	
23.	Apa-apa permohonan interlokutori sebelum pendengaran rayuan	-	25.00	50.00	75.00	
24.	Fi penyediaan nota keterangan dan alasan penghakiman	100.00	200.00	300.00	-	
25.	Apabila memfailkan alasan rayuan atau rayuan balas	10.00	20.00	30.00	-	
26.	Apabila memfailkan rekod rayuan atau rayuan balas	50.00	100.00	150.00	-	
27.	Apabila memfailkan apa-apa penghujahan bertulis	-	40.00	50.00	60.00	
Salinan Dokumen						
28.	Apabila membuat salinan dan menandakannya sebagai salinan diperakui bagi setiap folio	2.00	2.00	2.00	2.00	
29.	Bagi tiap-tiap salinan kedua atau kemudiannya melalui proses penduaan bagi setiap folio	1.00	1.00	1.00	1.00	
30.	Untuk memeriksa salinan bersih dan menandakannya sebagai salinan diperakui-					
	(a) dalam hal salinan fotografik atau zerox bagi setiap lembaran	1.00	1.00	1.00	1.00	
	(b) dalam apa-apa hal lain setiap folio	1.00	1.00	1.00	1.00	
31.	Bagi permohonan untuk dibenarkan menyalin apa-apa dokumen yang difailkan atau diserahkan simpan dalam Mahkamah, bagi setiap muka surat	1.00	1.00	1.00	1.00	

No.	Butiran	Fi	Fi	Fi	Fi	Catatan
		(RM) Mahkamah Rendah Syariah	(RM) Mahkamah Tinggi Syariah	(RM) Mahkamah Rayuan Syariah	(RM) Mahkamah Utama Syariah	
Terjemahan						
32.	Bagi penyemakan, pembedaan dan perakuan suatu terjemahan yang dibuat oleh pegawai Mahkamah	5.00	5.00	5.00	5.00	
	Tambahan bagi setiap muka surat	1.00	1.00	1.00	1.00	
Pejabat Bendahari Negeri						
33.	Bagi perakuan tentang amaun atas transkrip tentang akaun bagi apa-apa wang, kumpulan wang atau sekuriti termasuk permintaan mengenainya	10.00	10.00	10.00	10.00	
34.	Bagi pembayaran, penyerah simpanan, pemindahan atau pendepositan kumpulan wang atau sekuriti ke Mahkamah	10.00	10.00	10.00	10.00	
35.	Bagi permintaan kepada Bendahari Negeri untuk mendapatkan maklumat secara bertulis berkenaan dengan apa-apa wang, kumpulan wang atau sekuriti dalam Mahkamah atau apa-apa transaksi di pejabatnya	10.00	10.00	10.00	10.00	
Penetapan Kos						
36.	Bagi memfailkan notis penetapan bil kos	20.00	40.00	60.00	80.00	
37.	Bagi menetapkan bil kos –					
	(a) jika amaun yang dibenarkan tidak melebihi RM1,000.00	10.00	10.00	10.00	10.00	
	(b) jika amaun yang dibenarkan melebihi RM1,000.00 bagi tiap-tiap RM1,000.00 tambahan yang dibenarkan atau pecahan daripadanya	5.00	5.00	5.00	5.00	
38.	Bagi perakuan atau alokatur mengenai keputusan penetapan	25.00	50.00	75.00	100.00	

No.	Butiran	<i>Fi</i>	<i>Fi</i>	<i>Fi</i>	<i>Fi</i>	Catatan
		(RM) <i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
<i>Pelbagai</i>						
39.	Apabila memfailkan apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan dalam Jadual ini	5.00	5.00	5.00	5.00	
40.	Bagi apa-apa carian, termasuk pemeriksaan	10.00	20.00	30.00	40.00	
41.	Bagi permohonan untuk mengemukakan rekod atau dokumen yang hendak diberikan sebagai keterangan—					
	(a) jika rekod atau dokumen itu ditinggalkan di Mahkamah	5.00	5.00	5.00	5.00	
	(b) jika seorang pegawai dikehendaki mengemukakan rekod atau dokumen dalam Mahkamah	20.00	30.00	40.00	50.00	
42.	Bagi kehadiran seseorang pegawai Mahkamah sebagai saksi bagi setiap setengah hari atau sebahagian daripadanya	50.00	50.00	50.00	50.00	
43.	Apabila memfailkan affidavit atau affidavit tambahan bagi setiap orang yang membuatnya	5.00	10.00	15.00	20.00	
44.	Bagi setiap ekshibit yang disebut dalam affidavit dan dikehendaki ditandakan	1.00	1.00	1.00	1.00	
45.	Apabila memperakui cabutan apa-apa dokumen, yang bukannya suatu penghakiman atau perintah, di mana tiada fi ditetapkan dalam Jadual ini	10.00	10.00	10.00	10.00	
<i>Penyampaian dan Pelaksanaan oleh Mahkamah</i>						
46.	Bagi setiap percubaan untuk menyampaikan kepada setiap orang akan apa-apa proses atau prosiding yang dikehendaki disampaikan oleh Mahkamah	10.00	20.00	30.00	40.00	

No.	Butiran	Fi	Fi	Fi	Fi	Catatan
		(RM) Mahkamah Rendah Syariah	(RM) Mahkamah Tinggi Syariah	(RM) Mahkamah Rayuan Syariah	(RM) Mahkamah Utama Syariah	
47.	Jika lebih daripada 10 kilometer dari Mahkamah, bagi tiap-tiap kilometer tambahan	1.00	1.00	1.00	1.00	
48.	Bagi melaksanakan tiap-tiap perintah pelaksanaan, pengkomitan, penangkapan atau penahanan harta	10.00	20.00	30.00	40.00	
49.	Bagi melepaskan harta yang disita mengikut arahan pihak yang mengeluarkan perintah pelaksanaan, perintah tahanan sekatan, penangkapan atau penahanan harta	10.00	20.00	30.00	40.00	
50.	Fi perkhidmatan 5 peratus akan dikenakan ke atas RM1,000.00 pertama dan 3 peratus ke atas semua yang melebihi jumlah itu, apabila dilevikan dengan cara penyitaan dan penjualan, dan jumlah sedemikian hendaklah termasuk fi perkhidmatan untuk pelelong	-	-	-	-	Hendaklah dipotong oleh Pendaftar
51.	Fi perkhidmatan sebanyak 2 peratus hendaklah dikenakan ke atas semua wang diterima oleh Pendaftar di bawah saman <i>hiwalah</i>	-	-	-	-	Hendaklah dipotong oleh Pendaftar
52.	Fi perkhidmatan sebanyak 1 peratus yang hendaklah dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Pendaftar sebagai penjelasan perintah penyitaan dan penjualan jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan	-	-	-	-	Hendaklah dipotong oleh Pendaftar

No.	Butiran	<i>Fi</i> (RM) <i>Mahkamah</i> <i>Rendah</i> <i>Syariah</i>	<i>Fi</i> (RM) <i>Mahkamah</i> <i>Tinggi</i> <i>Syariah</i>	<i>Fi</i> (RM) <i>Mahkamah</i> <i>Rayuan</i> <i>Syariah</i>	<i>Fi</i> (RM) <i>Mahkamah</i> <i>Utama</i> <i>Syariah</i>	Catatan
53.	Fi perkhidmatan sebanyak 1 peratus yang hendaklah dikenakan ke atas anggaran nilai harta yang disita atau amaun yang dinyatakan dalam perintah itu mengikut mana yang kurang jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan	-	-	-	-	Hendaklah dipotong oleh Pendaftar
54.	Bagi setiap seorang yang perlu ditugaskan untuk menjaga apa-apa harta di bawah penyitaan	Kos sebenar	Kos sebenar	-	-	
55.	Untuk mengalihkan barangan atau binatang ke suatu tempat untuk simpanan selamat dan diberi makan	Kos sebenar	Kos sebenar	-	-	
56.	Bagi pengiklanan dan memberi publisiti tentang penjualan melalui lelongan	Kos sebenar	Kos sebenar	-	-	Hendaklah dibayar secara tunai kepada Pendaftar atau pembayaran terus mengikut baucar yang diperakui oleh Pendaftar
	<i>Nota</i> – Dalam tiap-tiap kes jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan fi nya hendaklah dibayar oleh orang yang atas permintaannya penjualan itu diberhentikan amaun apa-apa kos atau caj yang kena dibayar di bawah butiran ini hendaklah ditetapkan oleh Hakim, jika Pendaftar dan pihak yang bertanggung membayar kos dan caj itu tidak bersetuju dengan amaun itu					
57.	Permintaan bagi pembayaran keluar wang yang dibayar masuk ke dalam Mahkamah mengikut perintah ansuran jika wang itu melebihi RM1,000.00, kecuali bagi bayaran nafkah anak dan isteri	2 peratus daripada jumlah wang yang dibayar	2 peratus daripada jumlah wang yang dibayar	-	-	

JADUAL KEDUA
[subkaedah 4 (2)]
FI PERINTAH FARAID

<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi (RM)</i>	<i>Fi (RM)</i>	<i>Fi (RM)</i>	<i>Fi (RM)</i>	<i>Catatan</i>
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
1.	Perintah faraid	20.00	40.00	-	-	
2.	Bagi tiap-tiap <i>Munasakhah</i> - Bagi maksud Jadual ini <i>Munasakhat</i> bererti pengiraan faraid bagi kematian berlapis yang diputuskan oleh Mahkamah.	10.00	10.00	-	-	

JADUAL KETIGA

[kaedah 5]

SKALA KOS

BAHAGIAN I : PERMULAAN, *DSB.* PROSIDING

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		Mahkamah Rendah Syariah	Mahkamah Tinggi Syariah	Mahkamah Rayuan Syariah	Mahkamah Utama Syariah	
1.	M e n y e d i a k a n , mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak, saman atau permohonan	30.00	40.00	50.00	60.00	
2.	M e n g e l u a r k a n d a n menyampaikan kepada satu pihak saman atau permohonan serentak	4.00	6.00	8.00	10.00	
3.	Memperbaharui saman, termasuk menyediakan dan memfailkan permohonan dan affidavit, menghadiri semasa permohonan untuk pembaharuan dan mendapatkan perintah	25.00	30.00	35.00	40.00	
4.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak pembelaan atau prosiding lain	30.00	40.00	50.00	60.00	
5.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak, permintaan untuk mendapatkan butir- butir sedemikian	15.00	20.00	25.00	30.00	
6.	Menyediakan pindaan kepada dokumen yang disebut dalam butiran 1 atau 3, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak, dokumen terpinda	10.00	15.00	20.00	25.00	

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
7.	<p>M e n y e d i a k a n , mengeluarkan dan memfailkan apa-apa dokumen, menghadiri semasa membuat apa-apa kerja lain yang perlu untuk mendapatkan—</p> <p>(a) perintah bagi penyampaian ganti mengenai apa-apa dokumen</p> <p>(b) perintah memberikan kebenaran untuk menyampaikan apa-apa dokumen di luar bidang kuasa</p>	25.00	30.00	35.00	40.00	

BAHAGIAN II : PROSIDING DALAM KAMAR

8.	<p>M e n y e d i a k a n , mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak, notis—</p> <p>(a) untuk meneruskan di bawah sesuatu penghakiman atau perintah</p> <p>(b) untuk melanjutkan masa</p>	10.00	20.00	30.00	40.00	
9.	<p>M e n y e d i a k a n , mengeluarkan, memfailkan dan menyampaikan kepada satu pihak notis untuk hadir di Kamar (selain notis yang disebut dalam butiran 8)</p>	10.00	10.00	10.00	10.00	
10.	<p>M e n g h a d i r i untuk mendapatkan janji temu bagi pendengaran di hadapan Hakim atau Pendaftar</p>	10.00	10.00	10.00	10.00	

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		Mahkamah Rendah Syariah	Mahkamah Tinggi Syariah	Mahkamah Rayuan Syariah	Mahkamah Utama Syariah	
11.	Hadir untuk menghantar serah kertas-kertas yang dikehendaki bagi kegunaan Hakim atau Pendaftar dalam Kamar	10.00	10.00	10.00	10.00	
12.	Menghadiri pendengaran permohonan dalam Kamar—					
	(a) jika secara <i>ex parte</i> atau dengan persetujuan atau atas penangguhan tanpa pendengaran	10.00	20.00	30.00	40.00	
	(b) dalam apa-apa hal lain	20.00	40.00	60.00	80.00	
13.	Menghadiri untuk menyelesaikan draf atau minit apa-apa penghakiman atau perintah	10.00	20.00	30.00	40.00	
14.	Menghadiri untuk menyediakan dan mencatatkan apa-apa perintah, jika butiran 13 tidak terpakai	10.00	20.00	30.00	40.00	

BAHAGIAN III : PENZAHIRAN DAN PEMERIKSAAN

15.	Menyediakan, memfailkan dan menyampaikan—					
	(a) affidavit bagi dokumen atau senarai dokumen	10.00	20.00	30.00	40.00	
	(b) interogatori untuk pemeriksaan oleh sesuatu pihak	10.00	20.00	30.00	40.00	
	(c) affidavit jawapan kepada interogatori termasuk apabila sesuai, deponen yang hadir untuk mengangkat sumpah dan salinan bagi penyampaian	10.00	20.00	30.00	40.00	

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
16.	Menghadiri untuk memeriksa, atau mengemukakan bagi pemeriksaan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh perintah Mahkamah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan Bahagian XI Enakmen Tatacara <i>Mal</i> Mahkamah Syariah (Perak) 2004—					
	(a) bagi jam pertama atau sebahagian daripada sejam	10.00	15.00	20.00	25.00	
	(b) bagi setiap setengah jam berikutnya atau sebahagian daripadanya	5.00	10.00	15.00	20.00	

BAHAGIAN IV : PENYEDIAAN BAGI PERBICARAAN ATAU PENDENGARAN, SAMA ADA DALAM MAHKAMAH TERBUKA ATAU SELAINNYA

17.	Menyediakan dan mengeluarkan—					
	(a) sepina untuk hadir di Mahkamah, bagi setiap orang saksi	5.00	10.00	15.00	20.00	
	(b) sepina untuk mengemukakan dokumen, bagi setiap orang saksi	5.00	10.00	15.00	20.00	
	(c) sepina untuk mengemukakan dokumen dan memberi keterangan termasuk memfailkan permintaan, menghadiri untuk mendapatkan sepina dan salinan penyampaian	5.00	10.00	15.00	20.00	
18.	Menyediakan dan menyampaikan notis—					
	(a) untuk mengemukakan bagi pemeriksaan dokumen yang disebut dalam pliding atau affidavit	10.00	10.00	10.00	10.00	

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
	(b) untuk mengemukakan dokumen pada perbicaraan atau pendengaran	10.00	10.00	10.00	10.00	
	(c) untuk memperakukan apa-apa dokumen atau fakta, termasuk salinan untuk penyampaian	10.00	10.00	10.00	10.00	
19.	Arahan-arahan bagi perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara walau apa pun cara perbicaraan atau pendengaran	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
	<i>Nota kepada butiran ini</i>					
	Butiran ini bermaksud untuk meliputi perlakuan apa-apa kerja, yang tidak diperuntukkan selainnya, yang dilakukan dengan sepatutnya, dalam penyediaan sesuatu perbicaraan atau pendengaran atau sebelum penyelesaian perkara-perkara yang dipertikaikan, termasuk—					
	(a)	mengambil arahan-arahan untuk mendakwa, membela atau membuat tuntutan balas atau bagi apa-apa pliding, butir-butir pliding, affidavit				
	(b)	menimbangkan fakta-fakta dan undang-undang				
	(c)	melayani dan berurusan dengan klien				

<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Catatan</i>
		<i>(RM)</i>	<i>(RM)</i>	<i>(RM)</i>	<i>(RM)</i>	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
	(d) menemuduga dan berurusan dengan saksi-saksi dan bakal-bakal saksi dan mengambil bukti-bukti dari keterangan mereka					
	(e) mengatur untuk mendapatkan laporan atau nasihat daripada pakar, pelan, foto dan model					
	(f) membuat carian di Pejabat Kerajaan dan di mana-mana jua untuk mendapatkan dokumen yang relevan					
	(g) memeriksa apa-apa harta atau tempat yang material kepada prosiding					
	(h) meneliti pliding, affidavit dan dokumen lain yang relevan					
	(i) jika kausa atau perkara itu tidak diteruskan ke perbicaraan atau pendengaran, kerja yang dilakukan berkaitan dengan rundingan untuk sesuatu penyelesaian					
	(j) jagaan dan perjalanan am prosiding					
20.	Menghadiri untuk mendapatkan janji temu bagi memeriksa saksi dan atas pemeriksaan saksi	20.00 seorang	30.00 seorang	40.00 seorang	50.00 seorang	

BAHAGIAN V : PERBICARAAN ATAU PENDENGARAN

<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Catatan</i>
		<i>(RM)</i> <i>Mahkamah</i> <i>Rendah</i> <i>Syariah</i>	<i>(RM)</i> <i>Mahkamah</i> <i>Tinggi</i> <i>Syariah</i>	<i>(RM)</i> <i>Mahkamah</i> <i>Rayuan</i> <i>Syariah</i>	<i>(RM)</i> <i>Mahkamah</i> <i>Utama</i> <i>Syariah</i>	
21.	Menghadiri dalam Mahkamah terbuka bagi maksud —					
	(a) apa-apa permohonan yang berhubungan dengan atau berbangkit atas perbicaraan atau pendengaran sesuatu kausa atau perkara	50.00 sehari	75.00 sehari	100.00 sehari	125.00 sehari	
	(b) perbicaraan atau pendengaran sesuatu kausa atau perkara bagi setiap hari	100.00	150.00	200.00	250.00	
	(c) pendengaran penghakiman tertanggung	25.00	30.00	35.00	45.00	
22.	Menghadiri untuk mendapatkan perakuan Pendaftar dan menghadiri untuk mencatatkan atau mendapatkan penghakiman	10.00	15.00	20.00	25.00	

BAHAGIAN VI : PENETAPAN

23.	Menyediakan bil kos dan notis penetapan (termasuk salinan untuk Hakim), setiap folio	2.00	3.00	4.00	5.00	
24.	Mendapatkan janji temu bagi penetapan	10.00	10.00	10.00	10.00	
25.	Menghadiri penetapan, menyiapkan bil kos, mengemukakan baucer-baucer bagi perbelanjaan dan menghadiri untuk mendapat Perakuan atau Perintah Hakim atau Pendaftar	25.00	30.00	35.00	40.00	

<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Kos</i>	<i>Catatan</i>
		<i>(RM)</i>	<i>(RM)</i>	<i>(RM)</i>	<i>(RM)</i>	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
26.	Menyediakan bantahan terhadap keputusan Pendaftar atas penetapan, atau jawapan terhadap bantahan, termasuk salinan-salinan untuk penyampaian dan pemfailan, penyerahan kepada satu pihak akan bantahan atau jawapan itu dan menghadiri pendengaran rayuan oleh Hakim	25.00	30.00	35.00	40.00	

BAHAGIAN VII : PELAKSANAAN

27.	Menyediakan dan menghadiri untuk mendapatkan pengeluaran perintah pelaksanaan atau saman lain untuk menguatkuasakan apa-apa penghakiman atau perintah	10.00	10.00	10.00	10.00	
28.	Memperbaharui perintah pelaksanaan termasuk menyediakan dan memfailkan permohonan dan affidavit, menghadiri permohonan untuk pembaharuan dan mendapatkan perintah	25.00	30.00	35.00	40.00	

BAHAGIAN VIII : AM DAN PELBAGAI

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM) <i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
<i>Kehadiran</i>						
29.	Untuk mendapatkan —					
	(a) persetujuan seseorang untuk bertindak sebagai penjaga <i>ad-litem</i> dan persetujuan atau kelulusan daripada mana-mana pihak lain yang berkepentingan	10.00	15.00	20.00	25.00	
	(b) apa-apa persetujuan lain	10.00	10.00	10.00	10.00	
<i>Nota kepada butiran ini</i>						
Butiran ini termasuklah menyediakan borang persetujuan atau kelulusan						
30.	Untuk memberi persetujuan	10.00	10.00	10.00	10.00	
31.	Memfail dan menyampaikan notis kehadiran	10.00	10.00	10.00	10.00	
	Jika kehadiran untuk lebih daripada seorang, bagi setiap orang tambahan	5.00	5.00	5.00	5.00	
32.	Memfailkan apa-apa dokumen perlu di Pejabat Pendaftaran	10.00	10.00	10.00	10.00	
33.	Membuat carian affidavit di Pejabat Pendaftaran	10.00	10.00	10.00	10.00	
34.	Mencatatkan perintah meminda rekod dengan membatalkan atau menambah satu pihak atau menyatukan kausa atau perkara	10.00	10.00	10.00	10.00	
35.	Ikrar atas apa-apa affidavit selain daripada affidavit penyampaian	10.00	10.00	10.00	10.00	

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
36.	Untuk mendapatkan sijil kelahiran, mati, nikah, cerai atau rujuk atau apa-apa dokumen rasmi lain daripada jabatan lain	10.00	10.00	10.00	10.00	
	<i>Nota kepada butiran ini</i>					
	Untuk dua atau lebih sijil yang didapati di tempat yang sama atau pada waktu yang sama, kos yang dikenakan adalah sekali sahaja					
37.	Kehadiran lain yang patut dan perlu yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain	10.00	10.00	10.00	10.00	
	<i>Kehadiran dll. di Pejabat Akauntan Negeri atau Pejabat Pendaftar</i>					
38.	Untuk menyediakan dan menyerahkan simpan dokumen-dokumen yang dikehendaki untuk membenarkan pembayaran daripada wang yang diserahkan dalam Mahkamah dan untuk menerima bayaran	10.00	15.00	20.00	25.00	
39.	Menyerah simpan sekuriti ke dalam Mahkamah atau mendapatkan pemindahan sekuriti ke dalam atau dari Mahkamah	Mengikut budi bicara	Mengikut budi bicara	Mengikut budi bicara	Mengikut budi bicara	
	<i>Nota kepada butiran ini</i>					
	Butiran ini termasuklah segala kehadiran yang dikehendaki berkaitan dengan penyerah simpan atau pemindahan dan penyediaan apa-apa dokumen yang dikehendaki sedemikian					

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM) <i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	(RM) <i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
40.	Mendapatkan perakuan atau mentarikhkan semula perakuan-perakuan bagi kumpulan-kumpulan wang dalam Mahkamah	10.00	10.00	10.00	10.00	
	Jika lebih daripada satu perakuan didapatkan atau ditarikhkan semula pada masa yang sama	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
41.	Untuk mendapatkan transkrip akaun	10.00	10.00	10.00	10.00	
	Menyediakan Dokumen					
42.	Afidavit penyampaian	20.00	20.00	20.00	20.00	
	<i>Nota kepada butiran ini</i>					
	Butiran ini termasuklah meneliti afidavit dalam bentuk undang-undang, hadir untuk mengikrar dan memfailkan afidavit					
43.	Afidavit, selain daripada afidavit penyampaian atau afidavit di bawah butiran 15, setiap folio	2.00	3.00	4.00	5.00	
44.	Penyediaan bagi penandaan ekshibit kepada afidavit, untuk setiap ekshibit	1.00	1.00	1.00	1.00	
45.	Iklan yang hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar, folio pertama	5.00	6.00	7.00	8.00	
	Setiap folio yang berikutnya	2.00	3.00	4.00	5.00	
	<i>Nota kepada butiran ini</i>					
	Butiran ini termasuklah kehadiran di Kamar untuk mendapatkan tandatangan					
46.	Minit perintah, akaun, pernyataan dan dokumen lain yang dikehendaki untuk kegunaan dalam Mahkamah atau Kamar, setiap folio	1.00	2.00	3.00	4.00	

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
	Notis, dsb.					
47.	Apa-apa notis yang tidak diperuntukkan selainnya	1.00	2.00	3.00	4.00	
	Salinan-salinan, dsb.					
48.	Salinan bagi dokumen yang tidak diperuntukkan selainnya –					
	(a) salinan bertaip, selain daripada salinan karbon atau salinan bertulis, setiap folio	1.00	2.00	3.00	4.00	
	(b) salinan bercetak atau karbon, setiap folio	1.00	2.00	3.00	4.00	
	(c) salinan foto, salinan cd, dvd, pendrive atau apa-apa peranti elektronik	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
49.	Memeriksa pruf cetak, bagi setiap folio	1.00	2.00	3.00	4.00	
	Surat-surat, dsb.					
50.	Surat yang tidak termasuk di bawah mana-mana butiran lain	2.00	4.00	6.00	8.00	
51.	Surat, mesej dan panggilan telefon yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
	Penelitian					
52.	Meneliti apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan atau dibenarkan di bawah mana-mana butiran lain	1.00	2.00	3.00	4.00	

No.	Butiran	Kos	Kos	Kos	Kos	Catatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
		<i>Mahkamah Rendah Syariah</i>	<i>Mahkamah Tinggi Syariah</i>	<i>Mahkamah Rayuan Syariah</i>	<i>Mahkamah Utama Syariah</i>	
Penyampaian						
53.	Jika lebih daripada satu kehadiran diperlukan untuk melaksanakan penyampaian atau penghantaran kepada satu pihak akan dokumen yang disebutkan dalam Bahagian I Jadual ini atau dalam butiran 7 atau 8 baginya atau jika penyampaian dilaksanakan dalam bidang kuasa selain daripada dengan kehadiran sendiri atau melalui pos atau dilaksanakan diluar bidang kuasa	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
54.	Jika dokumen yang disebutkan dalam Bahagian I Jadual ini atau dalam butiran 7 atau 8 baginya dikehendaki disampaikan atau dihantarkan kepada lebih daripada seorang, penyampaian atau penghantaran kepada setiap orang tambahan-					
	(a) jika dikehendaki disampaikan kediri atau dengan dihantar serahkan	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	Menurut budi bicara	
	(b) jika penyampaian melalui pos dibenarkan	Kos sebenar	Kos sebenar	Kos sebenar	Kos sebenar	
55.	Penyampaian atau penghantaran apa-apa dokumen yang tidak diperuntukkan di bawah mana-mana butiran lain-					
	(a) jika dikehendaki disampaikan kediri atau dengan dihantar serahkan	10.00	10.00	10.00	10.00	
	(b) jika penyampaian melalui pos dibenarkan	Kos sebenar	Kos sebenar	Kos sebenar	Kos sebenar	

JADUAL KEEMPAT

[kaedah 10]

KOS TETAP

Nilai Tuntutan atau Tuntutan Balas	Dakwaan (RM)	Belaan (RM)	Kepeguaman (RM)
Tidak melebihi RM5,000.00	75.00	75.00	250.00
Melebihi RM5,000.00 tetapi tidak melebihi RM15,000.00	200.00	200.00	750.00
Melebihi RM10,000.00 tetapi tidak melebihi RM15,000.00	325.00	325.00	1,125.00
Melebihi RM15,000.00 tetapi tidak melebihi RM20,000.00	450.00	450.00	1,750.00
Melebihi RM20,000.00 tetapi tidak melebihi RM25,000.00	550.00	550.00	2,150.00
Melebihi RM25,000.00 tetapi tidak melebihi RM30,000.00	650.00	650.00	2,550.00
Melebihi RM30,000.00 tetapi tidak melebihi RM40,000.00	725.00	725.00	2,850.00
Melebihi RM40,000.00 tetapi tidak melebihi RM50,000.00	825.00	825.00	3,250.00
Melebihi RM50,000.00 tetapi tidak melebihi RM60,000.00	925.00	925.00	3,650.00
Melebihi RM60,000.00 tetapi tidak melebihi RM70,000.00	1,025.00	1,025.00	4,050.00
Melebihi RM70,000.00 tetapi tidak melebihi RM80,000.00	1,125.00	1,125.00	4,450.00
Melebihi RM80,000.00 tetapi tidak melebihi RM90,000.00	1,225.00	1,225.00	4,850.00
Melebihi RM90,000.00 tetapi tidak melebihi RM100,000.00	1,325.00	1,325.00	5,250.00
Jika amaun melebihi RM100,000.00 - Setiap tambahan RM10,000.00 atau pecahan daripada RM10,000.00	25.00	25.00	100.00
Kes-kes yang tidak boleh dinilai dengan wang			Tidak melebihi RM3,000.00 bagi kes Mahkamah Rendah Syariah
			Tidak melebihi RM5,000.00 bagi kes Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah

JADUAL KELIMA

[kaedah 11]

SKALA ELAUN

Golongan Saksi	Jumlah Elaun Sehari (RM)
(a) Golongan Profesional dan Pakar	500.00
(b) Pegawai Kerajaan, Pengarah dan Pengurus Pertubuhan Perbadanan dan orang yang bergaji atau berpendapatan melebihi RM5,000.00 sebulan	300.00
